

KOMPAS MORAL

Panduan ulama pastikan dasar tidak tersasar

Bersama

**Prof Datuk Dr
Mohd Izhar Ariff
Mohd Kashim**


Dalam sebuah negara yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan dan menjadikan nilai agama sebagai asas pembinaan masyarakat, kepimpinan negara tidak boleh dipisahkan daripada panduan syariah serta nasihat ilmuwan dan ulama. Pemimpin bukan sahaja bertanggungjawab memastikan kestabilan politik dan kemajuan ekonomi, bahkan turut memikul amanah besar untuk menjaga kesejahteraan moral, keadilan sosial dan keharmonian rakyat menurut tuntutan agama. Umat Islam negeri-negeri dalam Malaysia ini juga sepatutnya bersyukur kerana memiliki mufti-mufti yang dilantik oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sebagai penasihat agama kepada istana dan negeri.

Lakaran sejarah telah membuktikan bahawa kepimpinan Khalifah Umar bin Abd Aziz menjadi contoh terbaik untuk sama-sama diikuti. Khalifah sendiri adalah seorang yang amat alim dalam bidang hal ehwal Islam dengan amat baik. Namun, Khalifah Umar bin Aziz tetap melantik ulama untuk membantu beliau dalam pemerintahan. Antara ulama yang sentiasa memberi nasihat dan bantuan ialah, Shikh al-Imam Maimun bin Mihan, Shikh al-Faqih al-Imam Abd Hamid bin Abd Rahman, Shikh al-Imam Abu Bakar bin Umar, Shikh al-Imam Ismail bin Abu Muhajir, Shikh al-Imam Adiy bin Adiy al-Kindy, Shikh al-Imam Hasan al-Basri dan ramai lagi.

Atas sebab itu, keperluan kepada penasihat agama dalam pentadbiran negara bukan sekadar pelengkap, tetapi merupakan satu tuntutan penting agar segala dasar, keputusan dan gerak kerja kerajaan tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Sejarah ketamadunan Islam sendiri membuktikan bahawa para khalifah, sultan dan pemerintah sentiasa merujuk ulama dalam membuat keputusan berkaitan pentadbiran, peperangan, ekonomi dan kebijakan rakyat.

Penasihat agama memainkan peranan besar dalam memastikan sesuatu dasar

menepati maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tanpa panduan agama yang jelas, terdapat kemungkinan sesuatu keputusan dibuat hanya berdasarkan pertimbangan politik, keuntungan ekonomi atau tekanan semasa tanpa melihat kesan jangka panjang terhadap masyarakat dan nilai kemanusiaan.

Dalam dunia moden hari ini, cabaran yang dihadapi kerajaan semakin kompleks. Isu kecerdasan buatan (AI), bioteknologi, kewangan digital, hiburan melampau, media sosial, perjudian dalam talian, budaya songsang dan keruntuhan institusi keluarga memerlukan panduan agama yang mendalam. Pemimpin negara mungkin mempunyai kepakaran dalam bidang pentadbiran atau ekonomi, namun mereka tetap memerlukan pandangan ilmuwan agama agar setiap pendekatan yang diambil tidak melanggar batas syariah. Sebagai contoh, dalam aspek ekonomi, pembangunan negara tidak boleh hanya berasaskan keuntungan semata-mata sehingga mengabaikan unsur riba, penindasan atau eksploitasi rakyat. Penasihat agama mampu memberikan pandangan agar dasar ekonomi lebih seimbang, beretika dan menepati konsep keadilan sosial dalam Islam. Begitu juga dalam isu hiburan dan budaya, penasihat agama boleh membantu kerajaan menilai bentuk hiburan yang membina masyarakat serta menolak unsur yang merosakkan akhlak generasi muda.

Selain itu, penasihat agama berfungsi sebagai 'moral compass' kepada pemimpin. Kuasa yang besar tanpa panduan agama boleh menyebabkan seseorang terdedah kepada penyalahgunaan kuasa, rasuah, penindasan dan kezaliman. Islam mengajar bahawa kepimpinan ialah amanah yang akan dipersoalkan di akhirat. Oleh itu, peranan penasihat agama sangat penting untuk sentiasa mengingatkan pemimpin tentang nilai integriti, amanah, kejujuran dan tanggungjawab kepada rakyat.

Hakikatnya, ramai pemimpin dunia Islam pada zaman kegemilangan terdahulu mempunyai hubungan rapat dengan ulama. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini

bahawa Khalifah Umar Abdul Aziz dikenali sebagai pemimpin yang sentiasa mendapatkan pandangan ilmuwan sebelum melaksanakan sesuatu dasar. Hasilnya, pemerintahannya dikenang sebagai antara era paling adil dan sejahtera dalam sejarah Islam.

Hubungan erat antara pemerintah dan ulama menjadikan pentadbiran lebih berhati-hati serta berorientasikan kebijakan rakyat.

Namun demikian, kedudukan penasihat agama juga perlu difahami secara profesional dan berintegriti. Mereka bukan sekadar simbol atau individu yang hanya mengesahkan keputusan politik pemerintah. Sebaliknya, penasihat agama mestilah terdiri daripada tokoh berilmu, berani menegur, bebas daripada kepentingan politik sempit serta memahami realiti semasa. Mereka perlu mampu menghubungkan antara nas syariah dengan cabaran kontemporari secara hikmah dan berimbang.

Di samping itu, penasihat agama juga perlu mempunyai kefahaman multidisiplin. Dunia hari ini memerlukan ulama yang memahami ekonomi, teknologi, perundangan, psikologi dan hubungan antarabangsa agar pandangan yang diberikan lebih praktikal dan sesuai dengan konteks semasa. Pendekatan agama yang terlalu sempit tanpa memahami realiti boleh menyebabkan dasar menjadi sukar dilaksanakan atau tidak relevan dengan keperluan masyarakat moden.

Dalam konteks Malaysia, institusi agama sememangnya memainkan peranan penting dalam pentadbiran negara. Namun, fungsi tersebut perlu terus diperkasakan agar pandangan agama benar-benar menjadi asas pertimbangan dalam pembuatan dasar negara. Ini termasuk dalam soal pendidikan, media, kewangan, pembangunan bandar, teknologi serta pengurusan sosial masyarakat.

Generasi muda hari ini juga semakin menilai kepimpinan berdasarkan integriti dan nilai moral. Mereka mahu melihat pemimpin yang bukan sahaja bijak bercakap soal pembangunan, tetapi turut menunjukkan komitmen terhadap nilai agama dan etika. Kehadiran penasihat agama yang beribawa mampu



meningkatkan keyakinan rakyat bahawa negara dipimpin dengan pertimbangan moral dan prinsip yang jelas. Selain menjaga kepentingan umat Islam, penasihat agama juga boleh membantu memperkukuhkan keharmonian masyarakat majmuk. Islam mengajar prinsip keadilan, toleransi dan penghormatan terhadap hak manusia. Apabila prinsip ini dijadikan panduan pentadbiran, ia mampu melahirkan sebuah negara yang lebih aman, stabil dan dihormati.

Konklusi perincian ini, ingin saya tegaskan bahawa keperluan pemimpin negara kepada penasihat agama bukan kerana kelemahan ilmu agama mereka, tetapi kerana besarnya amanah kepimpinan yang dipikul. Agama berfungsi sebagai panduan supaya kuasa tidak tersasar daripada tujuan asalnya iaitu membawa kebaikan kepada manusia. Negara yang maju bukan hanya diukur melalui bangunan tinggi dan kekuatan ekonomi, tetapi juga melalui kekuatan nilai, akhlak, integriti dan keberkatan dalam pentadbiran. Oleh itu, usaha memperkukuhkan peranan penasihat agama dalam sistem pemerintahan perlu diberikan perhatian serius. Gabungan antara kepakaran pentadbiran dan panduan agama akan membantu melahirkan kepimpinan yang lebih adil, beretika dan selari dengan prinsip negara Islam yang sebenar.

**Penulis Dekan Fakulti
Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia (UKM)**

Gabungan antara kepakaran pentadbiran dan panduan agama akan membantu melahirkan kepimpinan yang lebih adil, beretika dan selari dengan prinsip negara Islam yang sebenar